

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 October 2015

Keputusan permohonan Najib tangguh prosiding hari ini um - 1/10/2015

Oleh **NORAZLITA MOHD. SIES**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Mahkamah Tinggi di sini menetapkan esok keputusan permohonan Datuk Seri Najib Tun Razak dan satu lagi bagi menangguhkan semua prosiding berkaitan kes saman bekas ahli UMNO, Anina Saadudin berhubung wang RM2.6 bilion (AS\$650 juta) yang didakwa dimasukkan ke dalam akaun peribadi perdana menteri dan presiden parti itu.

Peguam Datuk Mohd. Hafarizam Harun yang mewakili Najib dan Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Ab. Rauf Yusoh memberitahu pemberita, pihaknya memohon semua prosiding kes tersebut ditangguhkan bagi membolehkan permohonan untuk membatalkan saman yang difailkan oleh Anina pada 28 Ogos lalu didengar terlebih dahulu.

Katanya, permohonan untuk membatalkan saman Anina ditetapkan untuk pengurusan kes pada 6 Oktober ini.

Mohd. Hafarizam berkata, dalam prosiding yang didengar oleh Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Mohd. Zaki Abdul Wahab, pihaknya hari

ini berhujah, terdapat alasan tertentu untuk prosiding kes itu ditangguhkan sementara menunggu pendengaran permohonan untuk membatalkan saman tersebut.

Menurut beliau, jika mahkamah terus mendengar prosiding kes saman itu tanpa memberi penangguhan kepada pihaknya untuk memfailkan pernyataan pembelaan dan peluang untuk memfailkan affidavit bagi menjawab permohonan Anina bagi pembekuan harta maka prosiding tersebut hanya akan membatalkan masa dan kos.

Beliau berkata, pihaknya turut mempersoalkan mengenai isu *locus standi* (kedudukan di sisi undang-undang) Anina.

"Saya berhujah, dia (Anina) bukan lagi ahli UMNO dan tidak mempunyai locus standi untuk membawa tindakan saman tersebut. Ini kerana, Fasal 9(C) Perlembagaan UMNO menyatakan, hanya pegawai awam yang boleh membawa sesuatu tindakan undang-undang bagi pihak parti," katanya.

Anina selaku pihak plaintif mendakwa memfailkan writ saman tersebut bagi pihak UMNO walhal surat daripada Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor memaklumkan dia

bukan lagi ahli UMNO.

Keahliannya menurut Mohd. Hafarizam, telah ditamatkan serta-merta berdasarkan Fasal 20:7 Perlembagaan UMNO yang memperuntukkan mana-mana ahli yang membawa hal ehwal berkaitan parti ke mahkamah maka keahliannya akan gugur serta-merta.

Menurut peguam itu, sekiranya mahkamah mendapati Anina tidak mempunyai kedudukan di sisi undang-undang untuk memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan tersebut maka Najib tidak ada keperluan untuk memfailkan pernyataan pembelaan.

Mohd. Hafarizam berkata, selepas mendengar hujahan pihaknya dan juga peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla yang mewakili Anina, mahkamah menetapkan pukul 2.30 petang esok untuk membuat keputusan berhubung permohonan menangguhkan semua prosiding berkaitan kes saman itu.

Pihak defendan sebelum ini telah diarahkan memfailkan pernyataan pembelaan sebelum atau pada 1 Oktober ini.

Peguam Datuk Firoz Hussein Ahmad Jamaluddin dan Nor Emilia Mohd. Iszheam turut mewakili Najib dan Abdul Rauf.